



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BIL. 1 / 2014**

MAKLUMAN KEPADA KEPUTUSAN MAJLIS
MESYUARAT KERAJAAN BERHUBUNG DENGAN
CADANGAN PINDAAN PENINGKATAN NILAI
HAD MINIMUM DALAM DASAR PEMEROLEHAN
TANAH OLEH WARGANEGARA / SYARIKAT
ASING BAGI NEGERI KEDAH DARUL AMAN.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH
WISMA NEGERI, 05576 ALOR SETAR

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BIL.1/2014**

**MAKLUMAN KEPADA KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
BERHUBUNG DENGAN CADANGAN PINDAAN PENINGKATAN NILAI HAD
MINIMUM DALAM DASAR PEMEROLEHAN TANAH OLEH
WARGANEGARA/SYARIKAT ASING BAGI NEGERI KEDAH DARUL AMAN.**

TUJUAN

1. Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbiran Tanah dan pihak yang berkenaan mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Kertas No. 6(F)280/2014 berkaitan **“Cadangan Pindaan Peningkatan Berhubung Dengan Cadangan Pindaan Peningkatan Nilai Had Minimum Dalam Dasar Pemerolehan Tanah Oleh Warganegara/ Syarikat Asing Bagi Negeri Kedah Darul Aman”** bertarikh 09 Julai 2014.

KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT

2. Cabutan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut seperti berikut:-
- a) **Bersetuju peningkatan nilai had minimum harga perolehan hartanah oleh kepentingan asing ditingkat daripada RM500,000.00 kepada RM1,000,000.00 dan ke atas seunit sebagaimana pengumuman Bajet 2014 berkuatkuasa 01 Mac 2014.**
 - b) **Bersetuju supaya dibatalkan nilai had minimum di dalam Dasar Pemerolehan Tanah Oleh Warganegara Asing / Syarikat Asing bagi Negeri Kedah Darul Aman yang telah dinaikkan daripada RM250,000.00 kepada RM500,000.00 berkuatkuasa pada 02 Januari 2010 yang lalu.**
 - c) **Bersetuju nilai had minimum ini tidak termaktub kepada surat perjanjian jual beli yang telah dibuat sebelum 01 Mac 2014.**

TARIKH KUATKUASA

3. Pekeliling ini adalah sebagai memaklumkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kertas No. 6(F)280/2014 bertarikh 09 Julai 2014 dan berkuatkuasa **01 Mac 2014**.



**(DATIN PADUKA DATO' HAJJAH CHE BARNI BT. HJ. MOHD NOOR,
DSDK., AMK., BCK., BPL.)**
Pengarah Tanah Dan Galian
Negeri Kedah Darul Aman.

Bertarikh : **21** hb. ^{Zulhijah}~~Zulkaedah~~, 1435

Bersamaan : **16** hb. Oktober, 2014